

YB Azmi Che Husain Merasmikan Penutupan Program Pembangunan Minda Insan ke-2

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 06 Januari 2011 8:34

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC); Mohammad Taufiq B Hj Othman



05 Januari 2011 / 30 Muharam 1432 H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YB Azmi Che Husain Merasmikan Penutupan Program Pembangunan Minda Insan ke-2

Majlis Penutupan Program : 2 Jan 2011 (Ahad)

Jam : 2.30 ptg.

Tempat : Dewan Serbaguna DPP TM, UUM Sintok

Disempurnakan Oleh : YB Azmi Che Husain, ADUN Bayu.

NCRC UUM telah berjaya menganjurkan Program Pembangunan Minda Insan Ke-2 yang telah berlangsung selama lapan hari, bermula pada 27 Disember 2010 hingga 3 Januari 2011.

YB Azmi Che Husain telah hadir untuk Majlis Perasmian Penutupan Program tersebut pada Ahad 2 Januari 2011.

Dalam ucapan, beliau telah menyatakan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas usaha murni yang telah dilakukan oleh pihak NCRC UUM dalam menganjurkan program seperti ini terutamanya melibatkan pemilihan peserta daripada anak-anak keluarga miskin di sekitar Daerah Sik dan Baling.

Beliau juga amat menggalakkan agar program seperti ini diteruskan lagi pada masa akan datang dengan mengambilkira peserta yang sama supaya ada kesinambungan dan pemantauan terhadap anak-anak peserta e-Kasih ini.

Sebelum itu, dalam ucapan wakil Pengarah NCRC, telah memaklumkan bahawa bilangan peserta pada kohot ke-2 ini adalah seramai 31 orang yang terdiri daripada lepasan SPM yang berumur di antara 17-19 tahun yang terpilih dari Daerah Sik dan Baling.

Program ini telah mendapat penajaan sepenuhnya daripada pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) sebanyak RM149,880.00 yang perlu melibatkan keseluruhan peserta seramai 150 orang anak-anak e-Kasih.

Di akhir majlis, YB Azmi juga telah menyampaikan sijil dan cenderamata kepada kesemua peserta program.

Habis.

